



**ACRYL SANI ABDULLAH SANI (dua dari kiri) memeriksa kawalan kehormatan dalam majlis Pelancaran Karnival Pencegahan Jenayah 2015 peringkat IPT di Dewan Besar USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/ASWAD YAHYA**

## Polis dekati peminat bola sepak

**SEREMBAN 19 Mei** - Polis akan mengambil pendekatan jumpa, bertanya khabar, senyum dan sebar risalah kepada peminat bola sepak di negara ini khususnya sewaktu pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) beraksi dalam Liga Super di pelbagai lokasi pertandingan.

Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Keselamatan Komuniti (JPJKK), Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani berkata, langkah itu bertujuan mewujudkan hubungan baik antara polis dan masyarakat dengan memfokuskan kepada penyokong dan peminat bola sepak seluruh negara.

Menurut beliau, pihaknya sudah mengeluarkan arahan kepada semua JPJKK negeri bagi melaksanakan usaha tersebut.

"Sambutan yang diberikan oleh peminat bola sepak begitu menggalakkan terutama dalam kalangan peminat muda. Itu merupakan pe-

luang terbaik buat PDRM mengedarkan risalah kesedaran berkaitan isu-isu semasa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas pelancaran Karnival Pencegahan Jenayah 2015 peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) di Dewan Besar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua JPJKK negeri, Asisten Komisioner Che Man Md. Dros; Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendent Abdullah Roning; Komandan Kor Suksis Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), Datuk Dr. Junaidi Abu Bakar dan Timbalan Komandan Kos Suksis USIM, Superintendent (Kehormat) Hisham Sabri.

Jelasnya Acryl Sani, bagi tujuan itu, polis hanya memerlukan masa lebih kurang dua jam sebelum sepak mula untuk bertemu peminat di luar stadium.

Beliau yakin pendekatan seperti

itu dapat memberi impak positif dalam kalangan masyarakat kerana pasukan PDRM kendalian Azman Adnan diterima oleh peminat di semua negeri, setakat ini.

"Pendekatan sebegini lebih berkesan berbanding mengadakan program rasmi. Jika kita menganjurkan program secara rasmi, sukar bagi kita menerangkan sesuatu isu kepada golongan sasar," katanya.

Dalam majlis yang berlangsung itu turut diadakan forum yang disertai Acryl Sani sebagai ahli panel bersama Pensyarah Undang-undang Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, Dr. Roseli Muda.

Turut diadakan ialah pameran PDRM, persembahan tempur karate, kawad dan pelancaran Rakan Cop peringkat IPT.

Terdahulu, Acryl Sani mengadakan pertemuan dengan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad di pejabatnya.